

Headline SGI And Mimos cooperation to improve service (Kerjasama...  
Date 24. Jan 2007 Language MALAY  
Media Title Berita Harian Page No C11  
Section Komputer Article Size 153 cm2  
Circulation 217991 Frequency Daily  
Readership 762968 Color Full Color



# ***Kerjasama SGI, Mimos tingkat penyelidikan***

**J**ALINAN kerjasama strategik antara SGI dan Mimos Bhd akan meningkatkan keupayaan dan kebolehan komuniti penyelidik Malaysia yang memerlukan perkongsian kapasiti pengkomputeran berprestasi tinggi (HPC).

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, minggu lalu, SGI berkata jalinan kerjasama bernilai AS\$2 juta (AS\$1:RM3.47) itu membabitkan kerja menyediakan Mimos dengan infrastruktur komputer berkuasa dan sistem sub cakera berkelajuan tinggi.

"Kami akan bekerja dengan Mimos untuk melengkapkannya dengan simulasi komputer berprestasi tinggi, perkhidmatan visualisasi data dan storan tahap tinggi untuk komuniti penyelidik yang menggunakan persekitaran pengkomputeran grid.

"Grid penyelidikan ini terbuka kepada organisasi penyelidikan Malaysia, institusi pengajian tinggi dan perniagaan terpilih," katanya.

SGI berkata, grid HPC dijangka menyediakan komuniti penyelidik berteknologi tinggi di Malaysia dengan perisian siap guna

berisiko rendah dan berkesan bagi mempercepat sebarang penemuan penyelidikan dalam negara.

Sementara itu, Presiden/Ketua Eksekutif Mimos, Abdul Wahab Abdullah, berkata jalinan itu adalah sebahagian daripada inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kos pelaburan dalam kajian dan penyelidikan menerusi perkongsian sumber seperti digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

"Penemuan penyelidikan oleh penyelidik melalui penggunaan teknologi canggih sebegitu akan menjadikannya satu elemen utama memandu ekonomi Malaysia ke arah ekonomi yang mempunyai produktiviti tinggi, dan membina objektif negara jangka panjang untuk mengubah Malaysia menjadi ekonomi berteraskan pengetahuan," katanya.

Abdul Wahab berkata, sistem grid HPC akan meletakkan Malaysia sebagai salah satu pengguna terbesar HPC di kalangan negara anggota Asean dan Mimos ialah hab grid pengkomputeran untuk penyelidik Malaysia dalam industri di barisan hadapan.